

Oleh Mohammad
Khairil Ashraf
Mohd Khalid
khairil.ashraf@hmetro.com.my

PENAMBAHAN STRUKTUR KEDIAMAN DI FLAT KELUMPUK KEMUNTING

Rumah flat **selera** kondو

Kuala Lumpur

Tindakan beberapa pemilik unit kediaman di Flat Kelumpuk Kemunting di Setiawangsa di sini yang melakukan penambahan 'luar biasa' terhadap struktur kediaman masing-masing merisakan penghuni.

Tinjauan mendapati beberapa unit kediaman di sebuah blok di perumahan itu melakukan penambahan di depan, belakang, bahkan di bahagian tepi rumah.

Penambahan di bahagian tepi rumah itu bukan sahaja membabitkan unit di tingkat bawah, tetapi turut di tingkat atas.

Penduduk mahu dikenali sebagai Azizah, 48, berkata, majoriti penghuni yang mendiami ru-

mah bawah melakukan penambahan struktur yang dianggap 'luar biasa'.

"Kalau ikut prosedur, memang tak boleh tambah. Tapi dekat sini majoriti rumah bawah mereka buat penambahan struktur.

"Tapi kalau berlaku perkara kecemasan memang berisiko dan mendatangkan masalah. Contohnya

kalau terjadi kebakaran, macam mana bomba nak cepat selamatkan mangsa dan padamkan api bila mereka membuat penambahan struktur seperti ini?

"Daripada segi aspek keselamatan, penambahan rumah ini amat membimbangkan," katanya ketika ditemui.

Manakala, seorang lagi penghuni yang dikenali sebagai Naim, 24, berpandangan tin-

dakan pemilik rumah itu secara jelas telah melanggar peraturan dan ia juga tidak adil kepada jiran lain.

"Tindakan pemilik yang menambah struktur rumah mereka tidak mengikut spesifikasi amat berbahaya sekiranya berlakunya kebakaran. Contohnya jika mereka tambah rumah, ia akan menyukarkan bomba nak masuk.

"Oleh itu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) seharusnya turun padang

dan melihat tindakan pemilik rumah yang menambah rumah mereka," katanya.

Dia berkata, pemilik rumah ini seharusnya mengikut peraturan kerana dikhuatiri tindakan mereka akan 'berjangkit' kepada pemilik lain.

Katanya, antara cadangan tindakan yang boleh diambil oleh DBKL adalah dengan memecahkan bahagian penambahan rumah pemilik ini.

Manakala, Faris Iqbal, 24, berkata, pemilik rumah tidak sepatutnya me-

lakukan struktur tambahan itu kerana ia akan menyempitkan laluan orang ramai.

"Bagi saya, penambahan struktur rumah ini berbahaya kepada orang yang menggunakan laluan tersebut sekiranya berlaku kecemasan," katanya.

Katanya, pihak berkuasa berkaitan mesti mengambil tindakan tegas terhadap pemilik terbabit termasuk merobohkan struktur haram itu.



Daripada segi aspek keselamatan, penambahan rumah ini amat membimbangkan"

Azizah

BEBERAPA pemilik unit kediaman di Flat Kelumpuk Kemunting di Setiawangsa melakukan penambahan 'luar biasa' terhadap struktur kediaman masing-masing.

